

09 MAR 2000

Abdullah-Umno

TIADA ADUAN KEMPEN PEMILIHAN UMNO LANGGAR ETIKA

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno setakat ini belum menerima sebarang aduan mengenai pelanggaran etika kempen bagi pemilihan parti pada 11 Mei ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah, naib presiden yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno, berkata sejauh ini perjalanan persidangan perwakilan di bahagian-bahagian, yang membuat pencalonan bagi pertandingan merebut jawatan dalam parti, juga berjalan dengan baik.

"Pada waktu ini belum ada mana-mana pihak yang mengemukakan sebarang bantahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika ditanya sama ada sudah terdapat aduan mengenai pelanggaran kod etika pemilihan yang diluluskan Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini.

Kod etika itu antara lain melarang calon-calon berkempen menggunakan wang dan memberi derma bagi tujuan mendapatkan pencalonan manakala mereka yang didapati melanggar kod etika itu akan dilarang daripada bertanding.

Timbalan Perdana Menteri sebelum itu menghantar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk lawatan rasmi ke Indonesia.

Abdullah berkata setakat ini isu yang dibawa ke jawatankuasa itu, yang dipengerusikan beliau, ialah kes-kes berkaitan kelakuan anggota-anggota Umno semasa pilihan raya umum November lepas.

"Yang ada kes-kes dulu yang berkaitan dengan tindakan anggota-anggota dalam pilihan raya umum dulu dan juga yang berkaitan dengan perjalanan mesyuarat-mesyuarat cawangan," katanya.

Ketika diminta mengulas hasrat Pergerakan Pemuda Umno menguruskan penempatan 10 keluarga mangsa konflik wilayah di Chechnya di Malaysia, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata belum ada permohonan rasmi diterima.

"Biarlah Pemuda terlebih dahulu memaklumkan perkara itu kepada saya sebelum keputusan dibuat," katanya.

Kerajaan perlu tahu siapa mereka sebenarnya dan apa tujuan mereka hendak tinggal sebentar di Malaysia, katanya walaupun mengakui sememangnya sebelum ini penempatan serupa pernah diberikan bagi pelarian Bosnia.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia bukan sebuah negara yang hendak melindungi pembuat kacau atau pemberontak dari negara lain.

"Tetapi kita adalah negara yang memahami bahawa dari segi kemanusiaan mungkin ada pertolongan-pertolongan yang perlu kita berikan yang tidak ada hubung kait dengan peranan mereka sebagai golongan yang pemberontak," kata Abdullah.

Pemuda Umno dilaporkan sedang menimbang permohonan pejabat perwakilan Chechnya di Malaysia untuk menempatkan 10 keluarga pelarian Chechen di negara ini.

-- BERNAMA

MNY RON